

Jenis Akhbar : Kosmo

Tarikh : 26/01/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional 09

Tajuk : Sasar Perolehan Koperasi Bernilai RM50 Bilion

Sasar perolehan koperasi bernilai RM50 bilion

PETALING JAYA - Kementerian Pembangunan Usahawan menetapkan sasaran perolehan bernilai RM50 bilion bagi sektor koperasi menjelang 2020 sekali gus menyumbang lima peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun berkenaan.

Menterinya, Datuk Seri Mohd. Redzuan Yusof berkata, sasaran berkenaan boleh dicapai sekiranya pemain dalam sektor berkenaan meningkatkan aktiviti mereka bagi menjana pendapatan.

“Saya lihat banyak aktiviti dalam sektor koperasi melibatkan pinjaman peribadi sahaja. Kalau mereka tingkatkan skop yang dibawa dan menggunakan dana sedia ada untuk meningkatkan aktiviti dalam bidang seperti pertanian dan logistik, ia boleh dicapai.

“Industri kecil dan sederhana (IKS) juga mempunyai potensi begitu besar dan dari segi itu kita masih lagi kurang,” katanya.



MOHD. Redzuan (dua dari kiri) menyampaikan sijil kepada wakil-wakil Koperasi pada majlis amanat menteri di Auditorium Angkasa, Kelana Jaya semalam.

Terdahulu beliau menyampaikan ucapan pada Majlis Amanat Menteri Pembangunan Usahawan bersama Koperasi serta melancarkan portal permohonan pinjaman peribadi untuk ahli koperasi,

MyAzZahra di Auditorium Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa), Wisma Ungku A. Aziz di sini semalam.

Turut hadir Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah.

*Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA*